

# Literasi Maklumat Dan Warga Universiti

Oleh: Dayang Ruhidah Raplee

Masyarakat hari ini perlu mempunyai kemahiran literasi maklumat untuk melalui arus perubahan globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat. Program Literasi Maklumat yang terancang mampu menjadi pemungkin kepada perubahan dalam masyarakat bermaklumat pada hari ini. Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa juar format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Ia juga boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membantu membuat pemilihan dan penyelesaian masalah secara efektif. Doyle (1992) mendefinisikan Literasi Maklumat sebagai satu kebolehan untuk mengekses, menilai dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber. Bahagian Teknologi Pendidikan (2002) pula mendefinisikan Literasi Maklumat sebagai "keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membuat pemilihan dan menyelesaikan permasalahan secara efektif."

## Peranan Perpustakaan

Peranan Universiti sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan menuntut Perpustakaan memikul tanggungjawab yang besar dalam menyalurkan maklumat kepada para pengguna. Oleh itu, pelbagai program latihan telah dirancang untuk mendidik pengguna supaya mampu untuk mencari, mendapatkan dan menggunakan maklumat secara efektif dalam pembelajaran, penyelidikan dan juga dalam kehidupan harian. Telah menjadi tradisi Perpustakaan akademik untuk menjalankan program orientasi/induksi Perpustakaan untuk semua pelajar baharu yang bertujuan

untuk memberi pendedahan berkenaan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan. Program ini dilaksanakan bagi memastikan koleksi, kemudahan, dan perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Terdapat beberapa kaedah pengajaran literasi maklumat dan pendidikan pengguna iaitu sebagai kursus wajib, sesi latihan penyertaan secara sukarela, dan sesi latihan dalam subjek/kursus terjadual atau atas permintaan. Bagi melaksanakan Program Literasi maklumat, Perpustakaan perlu menyediakan modul-modul pengajaran yang bersesuaian mengikut jenis latihan yang diadakan. Antara modul-modul yang digunakan bagi program ini adalah;

1. Pengenalan kepada bahan rujukan asas Perpustakaan
2. Strategi Pencarian Maklumat (OPAC)
3. Pangkalan Data Atas Talian

Selain daripada modul-modul khusus tersebut, Perpustakaan juga melaksanakan latihan berdasarkan permohonan pengguna seperti latihan penggunaan turnitin, bibliografi, pencarian bahan secara manual, dan sebagainya.

## Kepentingan literasi maklumat kepada warga universiti

Pelaksanaan Program Literasi maklumat ini memberikan impak yang paling besar kepada para pelajar, di mana program ini dapat mendidik pelajar untuk mencari serta menggunakan maklumat secara teratur disamping dapat melibatkan pelajar secara terus dengan sumber pembelajaran supaya pembelajaran menjadi lebih aktif. Melalui

program ini juga, pelajar dapat dilatih untuk belajar berdiskusi secara beransur-ansur untuk memudahkan mereka menghayati konsep pendidikan seumur hidup. Kemahiran menggunakan teknologi dalam mencari maklumat dengan cepat dan berkesan bukan hanya boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran, bahkan boleh digunakan dalam kehidupan harian. Program Literasi maklumat ini bukan sahaja memberi impak kepada pelajar, tetapi juga kepada para pensyarah kerana tenaga pengajar dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui kepelbagaian sumber rujukan yang disediakan oleh Perpustakaan. Proses penyelidikan juga menjadi lebih mudah dengan adanya pelbagai kaedah dan bentuk maklumat yang diperoleh.

Kesimpulannya, Program literasi maklumat amat penting kepada warga universiti bagi memastikan semua sumber, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan dimanfaatkan secara maksimum. Secara keseluruhannya program literasi ini memberi impak yang besar kepada seluruh universiti kerana dengan adanya program seperti ini akan dapat melahirkan mahasiswa yang celik maklumat, dapat meningkatkan kualiti penyelidikan ke tahap yang cemerlang, dan melahirkan pelajar yang cemerlang dengan mempunyai kemampuan untuk belajar sendiri. Oleh yang demikian, pustakawan perlu memainkan peranan dalam melaksanakan program tersebut dan memastikan program tersebut benar-benar dapat membantu warga universiti dalam proses pembelajaran dan penyelidikan.

